

Penghayatan Nilai-nilai Murni Dalam Masyarakat Berbilang Kaum di Malaysia

By:

**Fatimi binti Hanafi
dan
Mohd. Zamani Ismail**

(Kertaskerja yang dibentangkan dalam **Seminar Kebangsaan Pengajaran Umum** yang berlangsung pada 13-14 Jun 2006 di Johor Bahru)

PENGHAYATAN NILAI-NILAI MURNI DALAM MASYRAKAT BERBILANG KAUM DI MALAYSIA

Disediakan oleh

**Fatimi binti Hanafi¹
Mohd Zamani Ismail²**

Malaysia mempunyai masyarakat berbilang bangsa seperti Melayu Cina dan India. Ini menunjukkan masing-masing mempunyai pelbagai budaya dan juga agama. Bangsa-bangsa setiap kelompok masyarakat mempunyai peranan dan tanggungjawab masing-masing. Dasar-dasar kerajaan jelas seperti yang terkandung dalam wawasan 2020 iaitu Dasar Integrasi Nasional memperlihatkan usaha kerajaan untuk membina bangsa Malaysia agar lebih cemerlang gemilang dan terbilang. Walaupun demikian banyak kejadian-kejadian menjurus ke arah yang negatif di mana gejala sosial dikalangan masyarakat amat membimbangkan terutama kes bunuh dan rogol. Ini menunjukkan masyarakat seolah-olah kehilangan pedoman dan arah tuju yang sebenar.

Kertas kerja ini akan memperbincangkan tentang penghayatan nilai-nilai murni yang wujud dalam masyarakat di Malaysia seperti Melayu yang semestinya beragama Islam, Cina beragama Budhisme, Konfusianisme dan lain-lain serta masyarakat India beragama Hindu. Apa yang penting halatuju masyarakat menjadi kucar-kacir ekoran daripada ketandusan dari segi penghayatan nilai-nilai murni dalam masyarakat tiada mengira usia atau peringkat umur lebih-lebih lagi di era *ICT* sekarang ini khususnya internet yang boleh dilayari bila-bila masa dan ketika dimana-mana jua. Apa yang penting ilmu yang digunakan dimanfaatkan untuk kesejahteraan bukan untuk kehancuran. Seperti pepatah arab mengatakan “ ilmu tanpa amal ibarat pepohon tidak berbuah”.

¹Pensyarah di Seksyen Ko-Korikulum Elektif Luar Fakulti TITAS (SKET), Universiti Malaya Kuala Lumpur.

²Pensyarah di Unit Pengajian Islam, Program Pengajian Diploma, Universiti Teknologi Malaysia, Citycampus, Jalan Semarak, Kuala Lumpur.

Pengenalan

Penghayatan nilai-nilai murni terkandung di dalam setiap ajaran agama yang wujud di dunia. Masyarakat Malaysia sering ditakrifkan sebagai masyarakat majmuk. (Ahmad Fawzi Basri dan Abdul Halim Ahmad 1987: ix). Masyarakat Malaysia yang terdiri daripada pelbagai budaya dan agama sememangnya mempunyai nilai-nilai murni yang amat tinggi. Kesemua agama memberi pelbagai pengajaran terhadap soal moral, akhlak dan kemanusiaan serta pemeliharaan alam. Sekiranya nilai-nilai murni dalam masyarakat dihayati satu persatu maka masyarakat akan hidup aman dan tenteram. Penghayatan nilai murni dalam pelbagai agama dan budaya akan membawa kita kepada kehidupan yang bertamadun dan secara tidak langsung ianya bertindak sebagai pemangkin kepada keutuhan nilai murni dalam masyarakat.

Kertas kerja ini akan menjelaskan beberapa asas nilai-nilai murni yang terkandung dalam masyarakat majmuk di Malaysia yang terdiri daripada Melayu, Cina dan India yang bertindak sebagai pemngkin kepada keutuhan nilai murni dalam masyarakat Malaysia.

Nilai- nilai murni masyarakat Melayu

Masyarakat Melayu terkenal dengan sifat budi pekerti dan berbudi bahasa sehingga terungkap di dalam sebuah pantun yang tidak asing lagi iaitu:

Yang merah itu saga

Yang lorek itu kendi

Yang indah itu bahasa

Yang elok itu budi

Dan serangkap pantun yang terkenal di kalangan masyarakat Melayu juga ialah :

Pisang emas di bawa belayar
Masak sebiji di atas peti
Hutang emas boleh di bayar
Hutang budi di bawa mati

Pantun-pantun yang disebut di atas memperjelaskan kepada kita kepentingan budi dalam masyarakat Melayu. Ianya menunjukkan kepentingan budi dalam membentuk jati diri masyarakat Melayu. Betapa pentingnya budi dan bahasa sehingga terungkap dalam pantun-pantun. Apa yang penting nilai yang ada dalam budi itu sehingga membawa ke mati menunjukkan kepada kita tentang keperibadian masyarakat Melayu yang mementingkan nilai-nilai murni yang membawa masyarakat ke arah kehidupan yang saling lengkap melengkapi dan bekerjasama antara satu sama lain.

Dalam masyarakat Melayu keperibadian dan pembentukan sahsiah diri atau jati diri amat penting untuk membina peribadi Melayu yang baik, beragama, berakhlak dan berbudi. Pelbagai bentuk egen yang membentuk struktur kemasyarakatan dalam masyarakat umat Islam dan orang Melayu. Keluarga merupakan agen sosialisasi utama dalam masyarakat untuk menjalankan tanggungjawab yang amat berat ini. Tujuannya ialah supaya keluarga dapat mendidik dan mengajar anak-anak menjadi anggota masyarakat yang mempunyai kepribadian yang luhur dan suci dan terhindar dari gejala-gejala yang tidak sihat seperti terlibat dengan gejala penyalahgunaan dadah, merompak dan lain-lain aktiviti yang tidak sihat. Masyarakat juga perlu untuk merealisasikan dan melaksanakan kawalan serta tekanan sosial. Kawalan sosial sama ada berbentuk primer seperti adat resam, amalan masyarakat dan lain-lain atau berbentuk sekunder seperti undang-undang, tindakan badan-badan formal seperti mahkamah, polis dan sebagainya.

Tujuannya ialah supaya anggota masyarakat bertindak mengikut landasan yang dibenarkan dalam masyarakat dan budayanya. Kerajaan atau pemerintah juga merupakan agen pembentuk masyarakat yang bertamadun dan harmonis. Kejayaan pemerintah dapat dinilai menerusi gaya kepimpinan yang diterajui oleh pemimpin yang melaksanakan tanggungjawab dengan bersih, cekap dan amanah.

Jati diri Melayu adalah merupakan asas kepada pembentukan sahsiah diri untuk membina peribadi Melayu yang baik, beragama, berakhlak dan berbudi perkerti mulia. Dr Sidiq Fadhil mentakrifkan jatidiri Melayu dalam pentakrifan konseptual iaitu berdiri di atas dua asas utama: agama dan budaya. (Pemikir April-Jun 2003 : 5)

Budaya masyarakat Melayu juga menggabungkan unsur agama iaitu Islam dan adat. Kedua-dua aspek ini menjadi asas yang utama dalam proses sosialisasi dan pembudayaan. Namun demikian, adat dan budaya yang menjadi asas dalam proses sosialisasi tersebut hendaklah berteraskan kepada syarak. Ini adalah kerana jati diri Melayu yang bersandarkan adat dan budaya adalah berpaksikan konsep tauhid dan syariah yang telah mewarnai budaya Melayu sejak dari abad ke-13 lagi. (Pemikir April-Jun 2003 : 6)

Ibu bapa Melayu selalu menggunakan beberapa kaedah dalam kontek mengajar anak kearah pembentukan peribadi yang baik di samping membetulkan kesalahan yang dilakukan oleh anak tersebut. Tujuan utamanya ialah mendidik dan mengajar supaya seorang anak itu akan menjadi insan yang berguna kepada nusa dan bangsa. Kaedah-

kaedah digunapakai oleh masyarakat Melayu seperti menegur, memberi nasihat dan juga merotan dengan kadar yang sepatutnya sejak kecil adalah antara budaya masyarakat Melayu yang menggabungkan unsur agama iaitu Islam dan adat.

Kedua-dua aspek ini menjadi asas yang utama dalam proses sosialisasi dan pembudayaan. Proses **sosialisasi** ialah proses mempelajari perkara-perkara yang diamalkan oleh masyarakat bagi membolehkan seseorang berfungsi dalam masyarakat tersebut. (Tamadun Islam dan Tamadun Asia 2001:187) **Pembudayaan** pula ialah proses penerapan unsur-unsur budaya bagi memastikan seseorang itu bertindak dalam lingkungan peraturan, norma dan nilai (budaya) masyarakat yang dianggotainya. (Tamadun Islam dan Tamadun Asia 2001: 187) Kedua-dua proses ini dijalankan dalam kitaran hidup seseorang individu, tetapi yang terpenting adalah pada masa seseorang itu masih kecil iaitu dari tahap kelahiran hingga ke tahap remaja. Proses sosialisasi dan pembudayaan ini bertujuan mengekalkan kesinambungan budaya dan identiti masyarakat dan seterusnya kehidupan bertamadun. (Tamadun Islam dan Tamadun Asia 2001 : 191-192).

Kedatangan Islam juga telah mengubah pandangan semesta masyarakat Melayu daripada unsur-unsur tahyul dan karut kepada pergantungan kepada Allah S.W.T selagi tidak bercanggah dengan akidah dan syariah. Perubahan-perubahan berlaku dalam masyarakat Melayu selepas kedatangan Islam dapat dilihat terutamanya dari segi pendidikan. Saudagar arab yang terdiri daripada alim ulama telah menulis kitab-kitab agama dan menjadi pakar rujuk kepada masyarakat. Kehidupan masyarakat Melayu juga berubah di mana masyarakat menganggap sultan sebagai 'khalifah Allah di bumi' bagi

menggantikan sistem beraja yang dipengaruhi oleh unsur Hindu dan Buddha. (M. Rajantheran 1994 : 148).

Dalam sistem pemerintahan demokrasi berparlimen di Malaysia, Sultan merupakan ketua agama Islam. Segala permasalahan berkaitan agama akan dirujuk kepada baginda Sultan. Manakala baginda pula akan merujuk kepada alim ulama dan juga mufti yang menjaga hal ehwal agama Islam. Ajaran Islam yang dibawa oleh Rasulullah (s.a.w.) adalah agama yang sentiasa memertabatkan maruah, kemuliaan atau harga diri manusia. Islam tidak pernah membezakan kedudukan seorang dengan yang lain berdasarkan perbezaan warna kulit, jantina atau lainnya. Apa yang penting Islam membuka ruang permesyuaratan dan perbincangan kepada umatnya untuk menyelesaikan permasalahan berlaku di dunia hari. Golongan pemerintah pula hendaklah berfikiran terbuka menerima pandangan dan teguran masyarakat ke arah yang lebih baik selagi ianya bertepatan dengan ajaran Islam yang sebenar.

Berdasarkan pandangan beberapa sarjana dan kupasan di atas maka dapatlah kita simpulkan bahawa konsep jati diri yang menjadi asas penghayatan masyarakat Melayu adalah berpaksikan kepada 3 prinsip iaitu;

- i. Islam sebagai agama dan sistem kepercayaan yang merupakan teras jati diri orang Melayu.
- ii. Perwatakan, adab dan kesusilaan orang Melayu yang bersandarkan kepada prinsip tauhid dan hukum syarak.
- iii. Peghayatan nilai tauhid dalam sistem kehidupan samada dalam entiti keluarga, masyarakat dan sistem pemerintahan negara.

Nilai-nilai murni masyarakat Cina

Masyarakat Cina juga mempunyai sistem kepercayaan dan pandangan semesta yang tersendiri. Mereka memuja nenek moyang dan *tian* (langit) di samping kepercayaan primitif iaitu animisme iaitu pemujaan binatang, tanaman atau alam semulajadi. Ianya wujud di kalangan masyarakat Cina sejak zaman silam lagi.

Masyarakat Cina lebih mementingkan aspek kepercayaan yang boleh memberikan kesejahteraan, kemakmuran, kebahagiaan dan kekayaan. Kebanyakan daripada mereka cenderung kepada konsep kebaikan dari segi moral dan akhlak manusia. Tumpuan terhadap pemahaman mengenai diri manusia sendiri lebih diutamakan dalam kepercayaan mereka berbanding konsep ketuhanan. Bagi masyarakat Cina kepercayaan dan agama merupakan perkara yang peribadi. Mereka bebas mengamalkan beberapa agama dan kepercayaan yang dirasakan boleh memberikan kesejahteraan dan kebahagiaan hidup selagi ianya tidak bercanggah dengan adat dan budaya mereka. Kebanyakannya tidak mempunyai kepercayaan dan konsep yang jelas tentang kewujudan tuhan yang satu seperti yang terdapat dalam ajaran Islam dan Kristian. Masyarakat Cina menggambarkan kewujudan tuhan mereka dalam bentuk dewa-dewi dan mempunyai perwatakan manusia yang mencerminkan kepercayaan mereka iaitu memmentingkan manusia berhubung dengan kebaikan dunia dan akhirat.

Masyarakat Cina juga mempercayai langit atau (*tian*) sebagai makhluk unggul yang menguasai nasib seseorang. Ianya juga membawa maksud prinsip tertinggi dalam alam semesta dalam konteks etika Konfusianisme. Di samping itu ajaran seperti agama

Buddha, Taoisme dan Konfusianisme menekan aspek etika dan moral. Konsep *Ying* dan *Yang* juga mempengaruhi pemikiran masyarakat Cina. Kedua-dua tersebut penting untuk mencapai keseimbangan di antara langit dan bumi. (Soo Khin Wah dalam Tamadun Islam dan Tamadun Asia UM : 2002: 306-307)

Falsafah Konfusianisme merupakan doktrin kenegaraan yang merangkumi aspek-aspek falsafah, keagamaan dan sosiopolitik yang termaktub dalam ajaran Konfusius (551SM-479SM). Seperti yang terkandung dalam kitab *Analects*, pengajaran utama Konfusius menekankan pengamalan nilai dan sifat moral yang mulia, terutama mengenai perikemanusiaan. Oleh sebab itu manusia berpotensi untuk mencapai 4 jenis sifat yang baik iaitu:

- i. Perikemanusiaan (*ren*)
- ii. kewajaran (*yi*)
- iii. kesusilaan (*li*)
- iv. kearifan (*zhi*)

Selain daripada itu ketaatan kepada ibu bapa juga dititikberatkan oleh ajaran Konfusius. Menurut beliau juga manusia mempunyai sifat semulajadi yang lebih kurang sama pada peringkat permulaan hayat. Kesemua nilai yang mulia ini diteladani orang yang bermoral dan bersikap mulia (*xiao*). Mensius menegaskan sifat semulajadi manusia baik ketika dilahirkan. Xunzi menyatakan sifat semulajadi manusia adalah jahat di mana usaha individu yang membentuk peribadi ke arah kebaikan. Gaozi menyatakan sifat semulajadi manusia tidak baik dan tidak jahat. (Soo Khin Wah 2001 : 306-308).

Ajaran konfusius menekankan konsep lima hubungan dikenali sebagai *wulun* iaitu:

- i. Raja dengan menteri
- ii. Ayah dengan anak
- iii. Suami dengan Isteri
- iv. Abang dengan adik
- v. Kawan dengan kawan

Konsep di atas jelas menunjukkan masyarakat Cina mementingkan nilai-nilai murni yang membentuk masyarakat agar hidup saling bantu-membantu dan bekerjasama tanpa mengira bangsa.

Dalam ajaran Buddhisme pula mementingkan kesederhanaan dimana asas pengajarannya ialah penderitaan adalah berpunca daripada hawa nafsu yang merupakan akar kepada pelbagai masalah manusia. Hawa nafsu yang merupakan akar kepada pelbagai masalah manusia. Ianya dapat dihindarkan mengikuti *lapan jalan yang betul* atau jalan pertengahan (*middle way*) yang mengelakkan diri daripada melakukan perbuatan melampau yang terlalu mengikut perasaan.

Keluarga dan masyarakat Cina amat mengambil berat tentang hubungan sesama manusia. Walaupun sistem kekeluargaan tradisional pernah mengalami perubahan namun asas sistem keluarga yang memusatkan kuasa bapa tetap berkekalan dan berlanjutan sehingga ke hari ini.

Dalam tamadun Cina kita dapat lihat masyarakat tersebut mementingkan nilai kemanusiaan di mana mereka menganggap manusia mempunyai kedudukan yang unggul dan memainkan peranan penting dalam alam semesta. Nilai-nilai itu dapat dilihat hasil daripada humanisme antaranya ialah: (Soo Khin Wah dalam Tamadun Islam dan Tamadun Asia UM : 2002 : 310-311).

- i. Moral sebagai ideologi
- ii. Hubungan manusia dengan alam semesta.
- iii. Mementingkan institusi keluarga
- iv. Pendidikan diberi keutamaan.
- v. Keharmoniaan merupakan nilai utama

Daripada penjelasan di atas, jelaslah kepada kita bahawa masyarakat Cina atau agama Budha menyeru penganutnya berakhlak mulia. Oleh sebab itu masyarakat dan negara haruslah hidup secara beretika berbudi pekerti mulia. Ianya jelas menunjukkan bahawa setiap golongan samada pemerintah dan diperintah mestilah mempunyai moral dan akhlak yang mulia. Keluarga, masyarakat dan juga negara perlu mengetahui peranan masing-masing supaya kehidupan kita aman dan sejahtera.

Nilai-nilai murni masyarakat India

Masyarakat India kebanyakannya beragama Hindu. Bagi masyarakat India keluarga merupakan unit asas dan terpenting. (Azhar Hj. Md Aros dan Azharuddin Mohd Dali

2000 : 164). Masyarakat India juga mengamalkan sistem keluarga bersama (*joint family*). Apa yang penting dalam masyarakat India ialah konsep tersebut yang membentuk keperibadian dan jati diri masyarakat India agar bertindak mengikut lunas-lunas yang dibenarkan oleh ajaran agama mereka .

Keluarga bersama dibentuk oleh keanggotaan semua anggota lelaki yang seketurunan, isteri serta anak-anak yang belum berkahwin. Sekiranya anak perempuan berkahwin mereka akan menjadi anggota keluarga suaminya. Tujuan berkeluarga adalah untuk mendapatkan zuriat sebagai penyambung keturunan. (Azhar Hj. Md Aros dan Azharuddin Mohd Dali 2000 : 164).

Apa yang dititikberatkan oleh masyarakat India ialah perpaduan di antara ahli keluarga dipelihara dengan nilai kasih sayang dan memberi perhatian kepada semua golongan. Kepercayaan serta budaya keluarga dipelihara dan diperturunkan kepada generasi muda. Sistem keluarga bersama juga mengalami kemerosotan kerana tidak dapat bertahan dengan cabaran-cabaran semasa dan arus permodenan terutama pengaruh daripada Barat menerusi Media massa dan ICT.

Sistem keluarga dipelihara oleh dua aspek utama iaitu *ashrama dharma* iaitu tahap yang harus dilalui oleh manusia dan *purusartha* iaitu empat objektif mulia yang mesti ada bagi setiap insan. Di sini saya memperjelaskan tentang empat objektif mulia dalam membentuk jati diri masyarakat India: (G. Sivapalan dan M. Rajanthheran dalam Tamadun Islam dan Tamadun Asia UM : 2002: 255-256).

- i. *Aram/dharma* iaitu diperolehi melalui pendidikan yang bersifat kerohanian yang mementingkan moral dan etika ianya merupakan objektif yang utama dalam kehidupan ini.
- ii. *Porul/artha* iaitu kekayaan. Individu yang berkemahiran hendaklah bekerja dan mencari dan mengumpul kekayaan melalui cara yang halal.
- iii. *Inbam/kama* iaitu orang yang mengumpulkan kekayaan secara halal hendaklah menikmati kekayaan tersebut dan berlandaskan moral dan etika. Tujuan mencari rezeki ialah untuk memberi makan dan pakai ahli keluarga.
- iv. *Vidu/moksha* iaitu pencapaian kebebasan kerohanian di mana golongan tua yang menunggu saat kematian dapat mengatasi nafsu dan keinginan terutama perkara-perkara duniawi. Mereka melakukan kerja amal disamping menyebarkan ajaran –ajaran agama. (Esa Khalid dan Mohd Azhar Abd Hamid 2004 : 359-360).

Secara ringkasnya, agama Hindu mata menitikberatkan kehidupan yang lebih baik berbanding kehidupan sebelumnya. Setiap individu perlu melakukan segala kebaikan dan tidak melakukan kerosakan terhadap makhluk yang lain sama ada manusia atau haiwan. Sekiranya mereka mempunyai nilai-nilai murni dan mengamalkannya maka mereka akan dilahirkan semula dengan mempunyai darjat yang tinggi pada kelahiran akan datang sehingga ia mencapai *Mokhsa* iaitu bebas daripada pusingan kelahiran. Sekiranya sebaliknya mereka akan dilahirkan dengan darjat yang rendah. Proses ini berterusan sehingga individu dapat membebaskan rohnya daripada kelahiran semula dengan melakukan kebaikan. (Esa Khalid dan Mohd Azhar Abd Hamid 2004 : 360).

Kepercayaan inilah yang membentuk keperibadian masyarakat India dari segi etika dan moral yang mantap agar kehidupan mereka menjurus ke arah yang lebih baik. Ianya dapat menghindar masyarakat tersebut dari melakukan perkara-perkara yang menyalahi norma-norma dan garis panduan dalam kepercayaan mereka.

Penghayatan nilai-nilai murni bangsa Malaysia

Kerajaan Malaysia amat menitikberatkan persoalan akhlak dan nilai-nilai murni dalam masyarakat yang berbilang bangsa ianya juga terkandung dalam Wawasan 2020 dimana tumpuannya ke arah melahirkan satu negara bangsa Malaysia yang maju progresif, saintifik dan hidup bersatu padu. Tiga etnik terbesar iaitu Melayu, Cina dan India yang mana mengamalkan kebudayaan, adat resam, agama dan bahasa masing-masing. Masyarakat Malaysia juga mempunyai budaya yang membolehkan mereka berinteraksi diantara satu sama lain. Kebudayaan masyarakat Malaysia walaupun berbeza mempunyai asas yang sama iaitu membentuk keperibadian dan jati diri individu ke arah yang lebih baik. Inilah yang membolehkan masyarakat negara kita dapat berinteraksi di antara satu sama dalam melaksanakan satu matlamat yang sama iaitu membentuk masyarakat Malaysia yang bepegang teguh dengan ajaran agama masing-masing dan mementingkan nilai-nilai murni yang diajar dalam agama mereka. Interaksi antara kaum ini penting untuk menghindar masyarakat daripada melakukan aktiviti-aktiviti yang tidak sihat dan menyalahi norma-norma kehidupan.

Interaksi antara kaum adalah merupakan satu jalan kearah perpaduan nasional dan mencetuskan masyarakat yang harmonis dan bersatu padu. (Ahmad Fawzi Basri dan Abdul Halim Ahmad 1987 : xii). Pembentukan identiti budaya warga Malaysia ialah

untuk melahirkan satu cara hidup masyarakat Malaysia yang mempunyai pelbagai bangsa, agama kebudayaan dan bahasa pertuturan tetapi dapat hidup berdampingan, berganding bahu, semangat cintakan negara, bertimbangrasi dan toleran.

Dasar perpaduan dan integrasi nasional berbagai-bagai etnik adalah perlu untuk rakyat hidup bersatu padu, aman daripada persengketaan dan kucar-kacir. Di dalam sebuah negara yang bertaraf majmuk di Malaysia keharmonian dan kerukunan hidup rakyatnya amat bergantung kepada sikap mereka yang prihatindan *bertasamuh* dalam apa-apa yang tidak membabitkan akidah dan pelajaran agama secara prinsip.(Monir Yaacob dan Sarina Othman 1995 : 144)

Semangat *syura* hendaklah disuburkan dari semasa ke semasa dalam menyelesaikan isu-isu yang berkaitan dengan gejala keruntuhan moral dan akhlak dalam masyarakat. Ianya perlu diadakan selagi perbincangan tersebut berkisar tentang penghayatan nilai-nilai murni dan bukan masalah yang berkaitan dengan akidah dan ketuhanan kerana Islam tidak berkompromi dengan permasalahan tauhid..

Kesimpulan

Penghayatan nilai-nilai murni oleh masyarakat majmuk perlu diteruskan dan dipupuk agar diamalkan bagi membendung serta mengatasi gejala sosial dalam masyarakat hari ini. Kesemua agama dan budaya masyarakat yang merupakan entiti terbesar dalam negara kita iaitu Melayu, Cina dan India menyeru serta mengajak penganutnya agar berakhlak mulia. Ketiadaan penghayatan nilai-nilai murni dalam masyarakat menyebabkan perilaku mereka menjurus ke arah negatif. Kerajaan telah berusaha dalam menangani permasalahan tersebut dan sentiasa menyuburkan serta membuka ruang perbincangan dan

percambahan minda agar masyarakat sedar tentang tanggungjawab masing-masing. Oleh sebab itu setiap warganegara Malaysia perlu menghayati nilai-nilai positif yang ada dalam ajaran agama masing-masing.

Bibliografi

Al-Qur`an al-Karim.

A. Rahman I. Doi (1412H/1992M), *Orang Bukan Islam Di Bawah Undang-Undang Syariah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Asbjor Eide & Bert Hagtvet (ed.) (1412H/1992M), *Human Rights in Perspective A Global Assessment*. United Kingdom: Blackwell Ltd.

`Abd. Mun`im Ahmad Barakah, (1410H/1990M), *al-Islam wa al-Tarikh al-Islami wa fi al-`Asr al-Hadith*. Iskandariyyah: Mu`asasah Syabab al-Jami`ah.

Ahmad Shalaby (1403H/1983M), *Mausu`at al-Tarikh al-Islami wa al-Hadarah al-Islamiyyah*. C. 2. Al-Qaherah: Maktabah al-Nahdah al-Misriyyah.

Ahmad Fawzi Basri dan Abdul Halim Ahmad *ed.* (1987M), *Isu-Isu Perpaduan Nasional : Cabaran, Pencapaian dan Masa Depan*. Kedah : Universiti Utara Malaysia.

Afzalur Rahman (1415H/1995M), *Ensiklopedia Sirah*. Syed Putra Syed Ahmad *et al.* (Terj.), 6 j. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Abdul Monir Yaacob dan Sarina Othman *ed.* (1995M), *Masyarakat Majmuk*. Cetakan Pertama, Kuala Lumpur: IKIM.

Asnarulkhadi Abu Samah dan Jayum A. Jawan (1997M), *Kenegaraan Malaysia, Serdang : Penerbit Universiti Putra Malaysia*.

Azhar Hj. Md Aros dan Azharudin Mohd Dali *et. al, ed.* (2000M), *Titas Kerja 2*, Selangor: Penerbit Fajar Bakti.

Esa Khalid dan Mohd Azhar *et.al., ed.* (2004M), *Beberapa Aspek Tamadun Melayu, India, China dan Jepun*, Johor : Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.

- Ismail Noor dan Muhamad Azaham ed. (2000M), *The Malays Par Excellence ... Warts And All An Introspection*. Selangor: Pelanduk Publication.
- K. Ramanathan (1412H/1992M), *Asas Sains Politik*. Shah Alam: Fajar Bakti.
- Malaysia Kita* (1422H/2002M), C. 3. Kuala Lumpur: International Law Book Services (ILBS).
- M. Rajantheran (1999M), *Sejarah Melayu: Kesan Hubungan Kebudayaan Melayu dan India*. Ed 2, Selangor: Printice Hall.
- Mustafa Haji Daud (1411H/1991M), *Tamadun Islam*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distriburs SDN. BHD.
- Mohd. Hapiz Mahaiyaddin (2001M), "Kepimpinan Orang Bukan Islam Dalam Negara Islam Menurut Perspektif Siasah Syar'iyah." (Tesis MA Syariah, Universiti Malaya).
- Rahimah Abd. Aziz dan Mohamed Yusoff Ismail ed. (2000M), *Masyarakat, Budaya dan Perubahan*. Bangi: UKM.
- Rais Yatim (1419H/1999M), *Zaman Beredar Pesaka Bergilir; Melayu Dalam Zaman Peralihan*. Kuala Lumpur: Endowment Publication.
- Tp. (2002M), *Tamadun Islam dan Tamadun Asia*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Siti Shamsiah Md. Supi (2001M), "Kedudukan Bukan Islam Dalam Pembentukan Sosio Politik Di Malaysia Menurut Teori Fiqh : Analisis Perlaksanaanya." (Tesis MA Syariah, Universiti Malaya).
- Wan Hashim Wan Teh (1983M), *Race Relatoinis In Malaysia*. Heinemann Educational Books (ASIA) Ltd: Kuala Lumpur.

Jurnal dan Majalah

Jurnal *Al-Azhar*, Zul Hijjah 1416H.

Jurnal *Al-Islām al-Yaum*, Bil. 4, April 1986 (ISESCO).

Jurnal *Al-Nahdah*, Vol. 22. No.1, (Jan-April 2003).

Jurnal *Pemikir*, Julai-September 1999

Jurnal *Pemikir*, Oktober-Disember 1999

Jurnal *Pemikir*, Julai-September 2002

Jurnal *Pemikir*, April-Jun 2003

Kertas Kerja Seminar

Baharuddin Che Pa (2000M), "Ketua Negara Mengikut Konsep Islam Dan Realiti Semasa Di Malaysia", (Seminar Siasah Syar'iyah di Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya Kuala Lumpur, 24 November 2000M).

Faisal Othman (1989M), "The Freedom of Thought In Islam", dalam (Regional Confrence On Human Rights In Islam, di Kristal Ballroom Petaling Jaya Hilton Selangor Darul Ehsan, 27-29 July 1989).

Surat Khabar dan Makalah

Utusan Malaysia, 14 Jun 2002.

Utusan Malaysia, 17 Jun 2002.

Utusan Malaysia, 21 Jun 2002.

MASSA, Bil. 330, Terbitan 2002..

Dewan Masyarakat, Ogos 2003.

Buletin PERKIM, Edit. 6. Jun 2003